

Pemahaman

Baca petikan di bawah dan jawab soalan berikut.

Cendol



Cendol ialah sejenis minuman pencuci mulut yang terkenal di Malaysia. Cendol merupakan hidangan istimewa yang dikategorikan sebagai minuman dengan mempunyai isi cendol yang sangat unik. Ramai orang Malaysia yang suka makan atau minum cendol. Bahan-bahan asas cendol terdiri daripada santan, jeli hijau, pulut, ais dan Gula Melaka. Gula Melaka menambahkan rasa manis pada cendol. Selain daripada bahan asas ini, cendol boleh ditambah bahan lain seperti kacang merah, pulut, jeli hitam, dan jagung. Cendol sangat sesuai diminum pada musim panas. Di antara negeri di Malaysia yang terkenal dengan cendol ialah Pulau Pinang dan Melaka.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan cendol?

2. Senaraikan tiga bahan-bahan asas cendol.

I. _____

II. _____

III. _____

3. Apakah waktu yang sesuai untuk minum cendol?

4. Apakah bahan-bahan yang boleh ditambah ke dalam cendol?

I. _____

II. _____

5. Apakah bahan yang menambahkan rasa manis pada cendol?

6. Berikan dua negeri yang terkenal dengan cendol.

I.

II.
